

23/03/1998

Ubah sikap untuk kekalkan kebersihan alam sekitar

Nukilan Ikhlas

MERUJUK kepada rencana mengenai kepanasan suhu dunia di akhbar tempatan dan antarabangsa, ternyata ia menjadi isu hangat yang dibincangkan selepas kejatuhan mata wang kita dan beberapa negara Asia. Kenyataan ini diikuti dengan penjelasan mengenai teori El-Nino yang diutarakan oleh saintis yang prihatin.

Tidak dinafikan kemusnahan alam sekitar dan ekologiinya berpunca daripada perbuatan kita sendiri. Pada 1997 lalu, semua orang tertekan akibat fenomena jerebu, kini muncul pula kemarau panjang. Ternyata, manusia tidak mengambil iktibar daripada apa yang berlaku. Lihatlah, sewaktu negara berjerebu, kita sibuk membincangkan isu kebersihan dan sikap kita untuk membanteras masalah jerebu. Berlainan halnya sekarang, kita asyik membincangkan isu saham dan mata wang, secara perlahan-lahan isu ini terpinggir.

Kenyataannya, jika anda melalui Lebuhraya Utara-Selatan, contohnya dari Plaza Tol Juru ke Kuala Lumpur, kita dapat menyaksikan beberapa deretan kilang yang tidak segan silu melepaskan asap buangan ke alam sekitar. Oleh itu, siapakah yang patut bertanggungjawab? Pemilik kilang atau Majlis Perbandaran Tempatan?

Isu sampah sarap pula bukanlah isu yang baru ditimbulkan. Sewaktu kedatangan Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif, sampah di kawasan pusat beli-belah di Bukit Bintang bertaburan dan menjatuhkan imej negara kita. Janganlah hendak ditegur oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir baru kita mahu bertindak. Gunakanlah akal budi yang dikurniakan Tuhan.

Sebenarnya masalah kegagalan kempen yang dijalankan di Malaysia bukanlah kerana tidak cukup publisiti tetapi kerana sikap rakyat Malaysia itu sendiri. Contohnya, kegagalan kempen Ops Statik samalah dengan kegagalan kempen kebersihan yang dilancarkan bertahun-tahun lamanya.

Pada siapa kita harus meminta pertolongan jika isu ini menjadi serius? mungkin kita mampu bertahan dengan cuaca yang tidak menentu sekarang tetapi bagaimana dengan generasi akan datang. Mampukah mereka? Jika keadaan ini berterusan, apa yang dirancangan mungkin menjadi sia-sia.

Akhir kata, saya berharap rakyat mengubah sikap untuk kebahagiaan setidak-tidaknya keluarga terdekat dan orang tersayang. Bantulah kerajaan kita untuk mengekalkan alam sekitar yang bersih supaya hidup kita bahagia di samping yang tersayang.